

**PENDAFTARAN PREMIS PENGINAPAN PELANCONG**

1. **Adakah MOTAC mengeluarkan Lesen Operasi Perniagaan Premis Penginapan?**

Tidak.

Lesen Operasi Perniagaan Premis Penginapan dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing. MOTAC hanya bertanggungjawab mendaftar dan mengelaskan (*rating*) Premis Penginapan Pelancong.

2. **Adakah pemilik premis boleh menjalankan perniagaan selepas berdaftar di bawah kementerian?**

Pendaftaran di bawah MOTAC bukan merupakan kelulusan Lesen Operasi Perniagaan kepada premis untuk menjalankan perniagaan. Pendaftaran ini bertujuan untuk membantu pihak kementerian mendapatkan maklumat dan data bagi merancang dasar-dasar pelancongan negara.

3. **Siapakah yang perlu memohon pendaftaran Premis Penginapan Pelancong?**

Mana-mana orang yang menjalankan atau mengendalikan premis penginapan hendaklah memohon kepada Pesuruhjaya Pelancongan untuk pendaftaran premis itu sebagai Premis Penginapan Pelancong.

4. **Bagaimana cara untuk memohon pendaftaran Premis Penginapan Pelancong?**

Pemohon boleh mendaftarkan premis secara atas talian melalui Sistem Pelesenan Industri Pelancongan (SPIP) iaitu [www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my)

5. **Adakah terdapat sebarang pembayaran bagi permohonan pendaftaran Premis Penginapan Pelancong?**

Ya.

Bayaran proses pendaftaran akan dikenakan sebanyak RM70 di mana fi memproses ialah RM20 dan fi pengeluaran Sijil Pendaftaran sebanyak RM50.

**6. Adakah Sijil Pendaftaran Premis Penginapan Pelancong mempunyai tempoh sah laku?**

Tiada tempoh sah laku bagi Sijil Pendaftaran kerana pendaftaran hanya perlu dibuat sekali sahaja. Walaubagaimanapun bagi memastikan maklumat yang berada dalam data MOTAC adalah tepat dan teratur, premis hendaklah bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada pihak MOTAC dalam keadaan berikut:

- i) premis telah berhenti operasi secara kekal atau sementara;
- ii) pertukaran pemilik;
- iii) pertukaran nama premis; dan
- iv) pertambahan atau pengurangan bilik penginapan.

**7. Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh pemohon sekiranya berlaku pertukaran pemilik atau pengurusan Premis Penginapan Pelancong?**

Pemilik atau Pengurusan Baharu premis perlu membuat permohonan pendaftaran semula melalui Sistem Pelesenan Industri Pelancongan (SPIP) [www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my).

**8. Adakah terdapat sebarang caj yang dikenakan sekiranya pemohon mengemukakan pendaftaran semula apabila berlaku pertukaran pemilik atau pengurusan?**

Ya.

Caj yang akan dikenakan kepada pemohon ialah fi memproses sebanyak RM20 bersama-sama dengan fi pengeluaran Sijil Pendaftaran Baharu sebanyak RM50.

**9. Bagaimana untuk mendapatkan salinan sijil sekiranya berlaku kehilangan Sijil Pendaftaran Premis Penginapan Pelancong?**

Pemohon boleh membuat permohonan penggantian sijil di Bahagian Pelesenan Pelancongan, Ibu Pejabat Putrajaya dengan mengemukakan surat permohonan ataupun emel kepada [pelesenan@motac.gov.my](mailto:pelesenan@motac.gov.my) dengan menggunakan emel rasmi premis. Fi sebanyak RM70 termasuk fi proses akan dikenakan bagi penggantian sijil.

**10. Sekiranya terdapat aduan, adakah Kementerian boleh mengambil tindakan?**

Kementerian hanya boleh mengambil tindakan sekiranya aduan dibuat secara rasmi berserta bukti yang kukuh dan perkara yang diadu berada di bawah kawal selia Kementerian. Keputusan aduan akan dimaklumkan kepada pengadu setelah siasatan selesai.

**11. Adakah terdapat syarat bilangan unit yang perlu berdaftar di bawah kementerian?**

Tiada sebarang syarat atau had penetapan bilangan unit yang ditetapkan. Semua pemilik boleh berdaftar sekiranya menawarkan tempat penginapan.

**12. Apakah jenis premis yang tidak layak berdaftar di bawah Kementerian?**

Premis yang bersifat *Short Term Residential Accommodation* (STRA) adalah tidak layak untuk berdaftar di bawah MOTAC seperti tidak mempunyai lesen perniagaan premis yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

**13. Adakah premis perlu mengemukakan dokumen lain selain daripada yang dinyatakan dalam garis panduan permohonan?**

Ya.

Sekiranya permohonan diterima tidak lengkap pihak MOTAC berhak untuk mendapatkan dokumen tambahan seperti gambar premis, status tanah atau surat pemilikan tanah dan sebagainya.